

# HIBRID KELAH LAMPAM

Kejayaan  
penyelidik  
UPM melalui  
pembiakan  
aruhan guna  
hormon  
Ovatide

## INOVASI

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

**Fakulti** Pertanian, Univer-  
siti Putra Malaysia (UPM)  
menghasilkan penemuan  
baru hibrid ikan kelah dan  
lampam menerusi pem-  
biakan aruhan.

Penyelidikinya Dr  
Muhammad Fadhil Syukri  
berkata, ikan lampam jawa  
(*Barbonymus gonionotus*)  
umpamanya adalah antara  
induk yang sesuai digu-  
nakan dalam penghasilan  
hibrid kelah.

Katanya, beliau bersa-  
ma pelajarnya, Siti Nur Ain  
Azahar menghasilkan hibrid  
ikan kelah yang pertama  
pada Mac tahun lalu di  
Jabatan Akuakultur, Fakulti

mematangkan telur.

"Suntikan hormon Ova-  
tide sebanyak 0.4 mililiter/  
kilogram diberikan kepada  
induk betina lampam jawa  
melalui intramuskular pada  
belakang sirip dorsal.

"Ikan yang sudah disun-  
tik dibiarkan selama lima  
hingga enam jam sebelum  
proses meleret telur ikan  
dilakukan," katanya.


Fadhil berkata, telur ikan  
itu kemudian akan dileret  
dan disenyawakan bersama  
sperma ikan kelah.

"Perkembangan telur  
yang tersenyawa akan  
dipantau hingga menetas.  
Bagaimanapun, hibrid ke-  
lah lampam ini mempun-  
yai kadar penetasan yang  
rendah iaitu antara lima  
peratus hingga 10 peratus.

"Larva ikan baru me-  
netas akan dipelihara dan  
kualiti air dijaga rapi bagi

Kajian berkenaan  
ciri morfologi  
menunjukkan  
hasil kacukan  
ini mempunyai  
sifat keturunan  
yang lebih rapat  
kepada induk  
lampam

**DR MUHAMMAD  
FADHIL**



**DR MUHAMMAD Fadhil (kiri)**  
bersama pelajarnya (dari  
kiri) **Azfar Ismail, Siti Nur  
Ain dan Nurul Jannah Puaad.**

Pertanian UPM.

"Pengurusan dan pemil-  
han induk daripada dua spe-  
sies ikan iaitu lampam jawa  
(betina) dan kelah merah  
(jantan) adalah penting da-  
lam menentukan kejayaan  
penghasilan hibrid ini.

"Pembiakan aruhan  
menggunakan hormon Ova-  
tide dijalankan dalam proses

menjamin kadar hidup yang  
tinggi," katanya.

Menurutnya, pembe-  
rian makanan hidup seperti  
'rotifer' atau cacing mikro  
bermula dari hari ketiga  
selepas menetas hingga hari  
kesepuluh.

"Kemudian, artemia  
diberikan selama empat hari  
diikuti pemberian makanan



**CAMPURAN** sperma dan telur  
daripada induk diperoleh.



**HORMON Ovatide** digunakan dalam  
penyelidikan untuk menghasilkan  
ikan hibrid secara aruhan.



**SUNTIKAN** dilakukan.

boleh diperhatikan seawal  
14 hari selepas menetas,"  
katanya.

Katanya, ikan kelah (*Tor  
tambroides*) antara ikan  
sungai yang popular dalam  
kalangan penternak dan  
pemancing di negara ini.

"Malangnya, spesies  
liarnya semakin berkurang  
dalam beberapa tahun  
kebelakangan ini disebab-  
kan aktiviti antropogenik  
seperti penebangan hutan,  
pencemaran dan peneban-  
gan hutan yang menyebab-  
kan kemerosotan kualiti air  
sungai.

"Menyedari hakikat  
ini, hibridisasi interspesies  
diperkenalkan dalam kajian

baru-baru ini untuk menjadi  
alternatif kepada penurunan  
populasi kelah," katanya.

Fadhil berkata, faktor  
lain yang menjurus kepada  
program hibridisasi kelah di  
Malaysia antaranya kesuka-  
ran mendapatkan telur kelah  
yang matang, telur kelah ti-  
dak mencukupi, pembiakan  
bermusim, pengurangan  
populasi akibat tekanan  
alam sekitar.

"Ia termasuk kadar per-  
tumbuhan perlahan untuk  
menghasilkan induk yang  
matang. Tidak seperti ikan  
sungai lain yang dapat mem-  
biak dalam masa seawal  
enam bulan dalam sistem  
kolam," katanya.